



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAPORAN:
ULASAN WEBINAR (BAB 8: DEKOLONISASI)

SUBJEK:
UHS1022 (FALSAFAH DAN ISU SEMASA)

NAMA PENSYARAH:
DR. ABDUL HALIM B. ZULKIFLI

NAMA:
AHMAD MUHAIMIN BIN AHMAD HAMBALI

NOMBOR MATRIK:
A20EC0006

Berdasarkan Webinar yang dijalankan pada 10 Januari 2021 lalu yang bertajuk Dekolonisasi, saya dapat mengulaskan beberapa isi penting berkaitan kolonisasi. Kolonisasi di negara kita wujud dalam dua aspek iaitu kolonisasi pemikiran dan kolonisasi fizikal. Slogan yang dibawa oleh British iaitu, “The White Man Burden” yang membawa maksud mereka perlu mentamadunkan masyarakat bukan berkulit putih. Oleh yang demikian, ideologi yang dibawa oleh mereka telah melekat di fikiran masyarakat di tanah melayu sehingga selepas negara mencapai kemerdekaan bahkan sehingga hari ini. Kita menyambut kemerdekaan pada 31 Ogos setiap tahun tetapi hakikatnya, fikiran kita masih dijajah mereka terutamanya generasi sekarang dari segi pemakaian, makanan dan hiburan. Kolonisasi juga bertujuan untuk mendapatkan sumber asli untuk perindustrian dan juga usaha untuk mendapatkan tenaga manusia. Kolonisasi pemikiran juga sangat bahaya kerana masyarakat akan melupakan identiti mereka yang sebenar. Antara kolonisasi pemikiran yang jelas pada hari ini adalah budaya hedonisme. Falsafah Hedonisme adalah cara pemikiran yang hanya mahukan keseronokan semata-mata. Perkara ini jelas, apabila peningkatan kes-kes Syariah dikalangan generasi muda. Mereka telah menjadikan keseronokan atau kemeriahan sebagai matlamat utama hidup mereka tanpa memikirkan kesan buruk dengan perbuatan tersebut.

Penyahjajahan atau dekolonisasi ialah perbuatan pemansuhan kolonialisme, yakni, penetapan dan pengkalan kekuasaan sebuah negara menetapkan dan mengekalkan menguasai lebih dari satu atau lebih wilayah lain. Proses yang dilakukan oleh pemimpin untuk mengusir penjajahan berserta ideologi mereka. Antara golongan yang aktif melibatkan diri dalam aktiviti dekolonisasi adalah para agamawan dan nasionalis. Para agamawan yang berusaha menyebarkan dakwah untuk menolak kolonisasi pemikiran barat yang berfikiran bahawa agama tidak mempunyai nilai. Pada zaman ini, terlalu ramai yang berstatus agama di atas dokumen tetapi tidak mengamalkan agama mereka. Pemikiran yang tidak percaya akan satu kuasa mutlak sangat bertentangan dengan identiti masyarakat di tanah melayu bahkan masyarakat premitif juga mempercayai akan satu kuasa. Ideologi barat yang tidak meyakini tuhan atau “atheis” sangat bertentangan dengan fitrah hidup manusia yang memerlukan tuhan dan agama. Golongan yang mempunyai aliran fikiran “atheis” akan berani melakukan perkara-perkara diluar tabi’e. Antara usaha yang dapat dilakukan untuk menghapuskan kolonisasi pemikiran adalah menerapkan bahasa sejak dari kecil lagi. Bahasa bersifat sarat nilai. Secara tidak langsung bahasa sangat berkait dengan cara pemikiran seseorang. Media sosial telah menjadi punca utama masyarakat menggunakan bahasa yang tidak mengikut tatabahasa. Hal ini kerana, di laman sosial pengguna akan cenderung menggunakan bahasa singkat atau “short form” untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Perkara ini lama kelamaan menjadi satu tabiat sehinggakan akan menjejaskan penggunaan bahasa di dunia realiti. Penggunaan bahasa Inggeris tidak boleh diabaikan kerana bahasa Inggeris adalah bahasa dunia tetapi penggunaan Bahasa Melayu perlu diutamakan bagi membentuk jati diri seseorang individu tersebut. Malaysia yang terkenal dengan kekayaan budaya semakin hari semakin hilang bahkan mungkin satu hari pakaian tradisional akan di

muziumkan. Ini merupakan satu bukti yang jelas bahawa pemikiran kita masih dijajah oleh barat. Akhir sekali pemikiran kapitalis telah membuatkan ekonomi negara semakin buruk. Contohnya, semakin hari semakin banyak cerita dan berita tentang golongan B40. Bentuk dekolonisasi ekonomi yang telah dilakukan di dalam negara adalah menggunakan sistem perbankan Islam untuk mengelakkan riba' dan penindasan. Dekolonisasi juga dapat dilakukan di sosial media seperti menggunakan hashtag "Sayangi Bahasa" yang mengajak para pengguna untuk menulis setiap tutur kata mereka dengan menepati setiap tatabahasa dan ejaan.

Kesimpulannya, kita mestilah berfikir untuk mengelakkan diri kita daripada terjejas dengan ideologi yang dibawa oleh barat atau negara luar. Hal ini kerana, perbuatan meniru budaya sesuatu masyarakat akan menunjukkan bahawa bangsa kita tidak mempunyai identiti tersendiri. Usaha-usaha kerajaan untuk menjaga keunikan budaya kita seperti membuat kempen membudayakan tulisan jawi dan lain-lain akan membantu generasi muda untuk mencari identiti bangsa mereka. Sistem pendidikan juga harus memfokuskan dalam membina jati diri pelajar dari kecil kerana pada usia kanak-kanak mereka masih buta etnik. Usaha tersebut akan membantu mereka dalam mengadaptasi dengan kehidupan berbilang kaum tanpa ada masalah perkauman antara satu sama lain.